

JAUHI BUDAYA RASUAH

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah mudahan kita diberkati dan dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Sudah berbilion ringgit hasil rasuah dirampas oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Namun perkara itu masih lagi tidak dapat menyedarkan semua pihak akan bahayanya rasuah sehingga kerajaan mengisytiharkan rasuah musuh nombor satu negara sebagai slogan bagi menggantikan dadah. Keadaan yang membimbangkan ini kerana orang yang terlibat sama ada pemberi atau penerima rasuah tidak dapat merasai bahawa ia adalah dilarang dan dipandang keji dalam Islam.

Marilah kita semua menjauhi rasuah kerana Allah Subhanahu wa Ta'ala mengharamkan melalui firman-Nya dalam surah al-baqarah ayat 188:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ

بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾

Yang bermaksud: "*Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang batil dan (janganlah) kamu membawa (urusan) harta itu kepada hakim, supaya kamu dapat memakan sebahagian daripada harta benda orang lain itu dengan (jalan berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui.*"

Kita semua hendaklah menyedari dan menginsafi, apabila ia diharamkan maka semua penggunaan harta rasuah melalui urusan jual beli dan seumpamanya juga adalah haram. Makanan, minuman dan pakaian yang asalnya halal bertukar menjadi haram kerana sumbernya adalah rasuah. Kesannya apabila berdoa kepada Allah Subhanahu wa-Taala maka doanya tidak akan diterima sebagaimana sabda Rasulullah dalam sebahagian petikan hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ وَمَشْرَبُهُ حَرَامٌ وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ وَغُذِي بِالْحَرَامِ فَأَنْتَ يُسْتَجَابُ لِدَلِكْ

Yang bermaksud: *(Dia berdoa dalam keadaan) makanannya haram, minumannya haram, pakaiannya haram dan diberi makan dengan suatu yang haram maka bagaimana mungkin doanya dimakbulkan.*

Tergamakkah kita membiarkan kaum keluarga, anak dan isteri membesar dan hidup melalui hasil rasuah yang haram.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Islam amat mementingkan sifat amanah lebih-lebih lagi kepada para pemimpin, kakitangan awam dan juga swasta. Mereka yang memiliki jawatan hendaklah memahami bahawa hak dan kelayakan bagi mereka ketika menjalankan tugas ialah gaji atau elaun-elaun yang telah ditentukan. Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis riwayat Abu Daud:

مَنْ اسْتَعْمَلَنَا عَلَى عَمَلٍ فَرَزَقْنَاهُ رِزْقًا، فَمَا أَخَذَ بَعْدَ ذَلِكَ فَهُوَ غُلُولٌ

Yang bermaksud: *Barangsiapa yang telah kami lantik untuk menjalankan sesuatu pekerjaan yang telah kami tetapkan gajinya maka apa yang diambil selain daripada gajinya adalah ghulul (penipuan).*

Jauhilah rasuah, jauhilah amalan menggunakan jawatan untuk kepentingan diri sendiri. Janganlah kerana tamak kepada harta dan jawatan serta pangkat lalu kita terlibat dengan amalan rasuah. Tidakkah kita meyedari amalan rasuah seumpama ini adalah pengkhianat terhadap amanah yang digalas atas bahu kita. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari yang bermaksud:

"Apabila sudah hilang amanah maka tunggulah terjadinya kiamat (kebinasaan)"

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,

Jauhilah rasuah kerana ia adalah keji, haram dan mengundangkan kerosakan kepada umat dan masyarakat keseluruhannya. Dalam sebuah hadis riwayat oleh Imam Malik, disebutkan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengutus Abdullah bin Rawahah Radhiyallahuanhu berangkat ke Khaibar untuk mengutip cukai daripada hasil buah kurma di daerah tersebut yang diduduki oleh orang Yahudi. Ketika Abdullah bin Rawahah sedang menjalankan tugasnya, orang Yahudi datang kepadanya membawa pelbagai perhiasan sebagai rasuah kepada beliau dan mereka berkata:

"Perhiasan ini hadiah untuk kamu dan kurangkan cukai yang dikenakan kepada kami"

Abdullah menjawab,"Wahai kaum Yahudi, Demi Allah kamu semua memang makhluk Allah yang paling aku benci. Apa yang kamu lakukan ini membuatkan diriku lebih membenci kamu. Rasuah yang kamu tawarkan itu adalah haram, dan kami kaum Muslimin tidak memakannya". Mendengar jawaban tersebut Yahudi berkata, "Kerana (sikap) inilah langit dan bumi tetap tegak".

Ingatlah amalan rasuah akan memberi kesan buruk kepada masyarakat antaranya:

Boleh merosakkan keadilan dalam masyarakat kerana harta, maruah, nyawa dan diri seseorang semuanya boleh dibeli. Pada masa yang sama masyarakat yang amanah, berdisiplin dan jujur sudah tidak bernilai lagi kerana rasuah. Selain daripada itu rasuah mendedahkan bahaya kepada orang ramai seperti runtuh bangunan, jambatan dan tanah kerana amalan penyelewengan.

Lebih dahsyat daripada itu, orang berharta dan berpangkat akan selamat daripada hukuman manakala orang yang miskin dan tiada kedudukan akan dijatuhkan hukuman. Bukankah amalan ini adalah tanda kehancuran yang sedang menanti bagi sebuah masyarakat.

Marilah kita bersama-sama menjauhi daripada terlibat dalam rasuah serta kita menyokong tindakan pihak berkuasa untuk membanteras rasuah sehingga ke akar umbi. Mudah-mudahan kita dapat hidup dengan sejahtera dan harmoni serta mendapat keredhaan Allah Subhanahu wa-Taala .

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَاشْكُرُوا لِلَّهِ إِن كُنتُمْ ءِيَّاهُ

تَعْبُدُونَ ﴿١٧٢﴾

Yang bermaksud: "Wahai orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadanya."

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.